

Pakar asing dijemput perkukuh operasi GLC

PM yakin anggota IAP berkesan jadi penasihat maju ICT

Oleh Wan Hazmir Bakar,
Shamshul Azree Samshir
dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC Malaysia) dijemput menjadi penasihat kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC),

Keputusan itu dicapai pada akhir sesi hari kedua Mesyuarat IAP ke-10 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Abdullah ketika mengumumkan perkara itu berkata, anggota IAP akan dijemput menduduki lembaga penasihat jika kepakaran mereka memiliki bersesuaian dengan keperluan syarikat dan institusi berkenaan.

"Mereka boleh menjadi pakar asing dalam lembaga berkenaan dan semua anggota IAP bersetuju dengan cadangan itu," katanya pada sidang media bersama anggota IAP lain di sini. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Menjawab soalan, Abdullah berkata, terpulang kepada syarikat dan institusi terbabit untuk melantik

anggota IAP menjadi ahli lembaga pengarah atau pengarah bebas jika kepakaran mereka diperlukan.

"Jika mereka dilantik menjadi ahli lembaga pengarah, tak mengapa, itu terpulang kepada syarikat untuk putuskannya. Kita tak halang sesiapa berbuat demikian," katanya.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu bertujuan memberi peluang kepada anggota IAP untuk memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara.

"Kita memberi peluang kepada me-

“la beri peluang kepada anggota IAP untuk memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan ICT negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

reka untuk lebih aktif di Malaysia, bukan sekadar menyertai mesyuarat sekali setahun," katanya.

Mengenai perjalanan mesyuarat kali ini, Abdullah menyifatkannya sebagai yang terbaik dengan pelbagai perkara disentuh, terutama usaha bagi mewujudkan ikon global dari Malaysia.

"Mesyuarat kali ini yang terbaik setakat ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat kali ini memberi penekanan kepada keperluan melaksanakan cadangan dan keputusan mesyuarat lalu bagi memperkukuhkan kedudukan negara dalam bidang ICT.

"Saya memberikan jaminan segala keputusan itu dilaksanakan," katanya.

Abdullah berkata, anggota IAP turut membangkitkan soal kerendah birokrasi dan beliau menyatakan kerajaan sudah mengambil langkah bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

"Kreativiti bencikan birokrasi dan kita faham apa maksudnya... Apa saja perkhidmatan diperlukan sektor swasta seperti kelulusan lesen, tanah dan pembangunan hartanah, kita

tentunya perlu mempercepatkan. Kita mengambil masa terlalu lama dan orang tidak ada masa menunggu," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut memberi penekanan kepada jalinan dan kerjasama antara syarikat ICT dengan institusi pengajian tinggi dalam membangunkan tenaga kerja profesional yang diperlukan industri.

"Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, kerja sama antara sektor swasta dan universiti amat berguna," katanya sambil menambah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah bagi mempertingkatkan kemudahan dan prasarana pembelajaran ICT pada peringkat sekolah.

Abdullah juga berkata, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha bagi membawa syarikat ICT Malaysia ke peringkat global, khususnya dalam bidang yang negara mempunyai kelebihan.

"Beberapa anggota IAP berkata, lebih baik untuk kita menumpukan kepada satu atau dua perkara kita cemerlang sebelum melihat perkara lain," katanya.

BH - 19/5/2009